



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Peniaga rugi lebih RM15,000 ditipu tawaran pinjaman palsu Language: Malay

Publication/Portal: Kosmo

Date: 20 December 2018

Section: Negara

Page: 10

Peniaga rugi lebih RM15,000 ditipu tawaran pinjaman palsu



MARAN - Seorang peniaga menanggung kerugian lebih RM15,000 selepas beberapa kali membuat pemindahan wang menerusi urusan memohon pinjaman yang tidak wujud.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Pahang, Superintendan Mohd. Wazir Mohd. Yusof (**gambar**) berkata, wanita berusia 40 tahun tersebut menerima mesej

menerusi aplikasi WhatsApp daripada individu tidak dikenali yang menawarkan pinjaman sebanyak RM50,000.

“Selepas terima mesej WhatsApp daripada syarikat Maju Kredit melalui nombor 016-6845378 pada 14 Disember lalu, pengadu menghantar salinan kad pengenalan, penyata bank serta butiran peniagaan kepada suspek.

“Pengadu diminta membayar cukai perkhidmatan sebanyak RM399. Pada 17 dan 18 Disember, pengadu diminta membuat tiga lagi bayaran sebanyak RM11,929 untuk memadam rekod senarai hitam dan sebagainya,” katanya di sini semalam.

Beliau menambah, pengadu kemudian dihubungi pula oleh seorang wanita bernama Sally

pada pukul 2.49 petang kelmarin yang meminta bayaran sebanyak RM4,000 bagi urusan membuka akaun perbankan online.

“Suspek menetapkan syarat supaya bayaran itu dibuat dalam tempoh dua jam. Tanpa berlengah, pengadu pergi ke bank dan membuat bayaran itu sebelum menyedari telah ditipu,” tambah Mohd. Wazir.